

Melintas dengan selamat

Di Singapura, terdapat beberapa jenis lintasan pejalan kaki. Ketahuilah bagaimana anda, sebagai seorang pejalan kaki, boleh membantu menjadikan jalan raya kita lebih selamat.

Lampu Trafik



Jangan Melintas



Melintas dengan Berhati-hati



Jangan Melintas Dahulu
(Orang Hijau Berkelipan)

Mengapakah saya perlu menekan butang untuk mengaktifkan isyarat 'orang hijau'?

Dengan menekan butang tersebut, anda memberitahu sistem lampu traffic bahawa anda sedang menunggu untuk melintas. Trafik akan berhenti untuk anda melintas. Anda boleh melintas apabila melihat 'orang hijau'.



Beberapa lampu trafik dilengkapi dengan penentu masa pengiraan detik. Penentu masa ini mungkin terletak di tepi isyarat 'orang hijau' dan 'merah', atau disepadukan dengan isyarat 'orang merah'. Ia menunjukkan baki masa untuk anda melintas. Anda tidak harus melintas apabila 'orang hijau' mula berkelip, kerana masa tidak mencukupi untuk anda melintas sepenuhnya.



Lintasan Zebra

Pemandu mesti memperlahankan kenderaan dan bersedia untuk berhenti apabila pejalan kaki menjejaskan kaki di atas lintasan zebra. Walau bagaimanapun, tidak semua kenderaan akan berhenti untuk anda, oleh itu tunggu sehingga kenderaan telah berhenti **SEBELUM** mula melintas.



Jejantas dan Jalan Bawah Tanah untuk Pejalan Kaki



Jejantas dan jalan bawah tanah untuk pejalan kaki dibina supaya pejalan kaki boleh melintas dengan selamat tanpa menjejaskan aliran lulu lintas.

Pembahagi Jalan

Terdapat pembahagi jalan di bahagian-bahagian tertentu jalan raya. Pembahagi jalan membantu anda melintas dalam dua peringkat. Anda hanya perlu menumpukan perhatian kepada trafik dari satu arah pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, anda masih perlu berjaga-jaga dan menunggu sehingga selamat sebelum melintas.



**Nyawa kita sangat berharga
Amalkan tanggungjawab ketika menggunakan jalan raya
Bersama, kita jadikan jalan raya lebih selamat**

Bagaimanakah Anda Boleh Memainkan Peranan?

SEBELUM melintas

- Jangan terburu-buru. Perhatikan trafik dari semua arah kerana tidak semua pemandu akan memberhentikan kenderaan mereka seperti sepatutnya.
- Jangan berdiri antara kenderaan-kenderaan yang diletakkan atau di hadapan bas atau kenderaan besar yang tidak bergerak kerana pemandunya mungkin tidak dapat melihat anda.

APABILA melintas

- Berwaspada. Perhatikan kenderaan. Elak daripada menggunakan peralatan seperti telefon bimbit dan MP3.
- Kanak-kanak harus diiringi oleh orang dewasa.
- Bertimbang rasa. Melintas dengan selamat dan seberapa segera yang boleh.

Jika anda melihat sebarang penyalahgunaan kemudahan jalan raya, atau jika sebarang kemudahan perlu dibaili, anda boleh menghubungi kami di Talian Perkhidmatan Pelanggan LTA (1800-2255 582) untuk membuat laporan.

Tarikh Cetakan: 28/09/2007

Jadilah Pejalan Kaki yang Bertanggungjawab